

Bahasa Melayu Tahun 6

Unit 2 – Rahsia Kejayaan

Topik : Ragam Ayat

Nama : _____

Kelas : _____



Rahsia Kebahagiaan



Keluarga saya mengamalkan dua budaya yang berbeza, iaitu budaya India dan budaya Cina. Walau bagaimanapun, hal ini tidak mendatangkan masalah kepada kami. Keluarga kami hidup bahagia. Kami dilimpahi kasih sayang.

Apakah rahsianya? Rahsia kebahagiaan hidup kami ialah sikap toleransi dan saling memahami. Jika kami dilanda masalah, kami hadapinya bersama-sama, bak kata pepatah, "bukit sama didaki, lurah sama dituruni".

Keluarga kami sungguh harmoni. Walaupun ibu dan ayah saya berlainan bangsa, mereka saling mengasihi. Sudah hampir 15 tahun usia perkahwinan mereka. Perbezaan budaya dan agama tidak merenggangkan kasih sayang mereka. Ikatan kasih sayang antara mereka juga bertambah erat dari hari ke hari.

Saya berasa amat bertuah. Hidup dalam keluarga yang berkongsi budaya banyak keistimewaannya. Sebagai contoh, pelbagai bahasa dapat saya kuasai. Saya fasih bertutur dalam bahasa Melayu, bahasa Inggeris, bahasa Tamil dan bahasa Mandarin. Saya juga dapat bergaul mesra dengan rakan yang berbilang bangsa. Kami menghormati dan mengunjungi antara satu dengan yang lain.

Arahan : Baca petikan di atas, kemudian kenal pasti ragam ayat yang terdapat dalam petikan tersebut.

Ayat penyata :

1. _____

2. _____

Ayat Tanya :

1. _____

2. _____

Ayat Perintah:

1. _____

Ayat Seruan :

1. _____

Tahap Penguasaan	1 ☐	2 ☐	3 ☐	4 ☐	5 ☐	6 ☐
Tarikh :			Tandatangan			